**PAAB**
PENGURUSAN ASET AIR BERHAD
200601012793
*Sustainable Water Services Industry*

# KENYATAAN TENDER

Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), ialah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Tanggungjawab utama PAAB adalah untuk membangunkan infrastruktur air di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan selaras dengan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655).

Selaras dengan tanggungjawab tersebut, PAAB ingin mempelawa syarikat-syarikat tempatan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang bersesuaian untuk menyertai tender Pra-Kelayakan Kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja berikut:

| NOMBOR TENDER PRA-KELAYAKAN | BUTIR-BUTIR PRA-KELAYAKAN | KETERANGAN AM KERJA | *JENIS SYARIKAT TEMPATAN | TARIKH/MASA TAKLIMAT | TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER PRA-KELAYAKAN | HARGA DOKUMEN TENDER PRA-KELAYAKAN | TARIKH DAN WAKTU TUTUP |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| PAAB/B007/ PRE-Q/PAKEJ 1/02/26 | PRA- KELAYAKAN KONTRAKTOR UNTUK CADANGAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2 FASA 2 DAN SISTEM AGIHAN<br>Pakej 1 - Merekabentuk, Membina dan Mentauliah Loji Rawatan Air Langat 2 Fasa 2 Berkapasiti 760 JLH, Kolam Kecemasan Air Mentah, Kolam Pra-Pengenapan, Fasiliti Rawatan Residu, Sistem Paip Penghantar dan Tapak Pelupusan Residu Serta Kerja-kerja Berkaitan di Daerah Hulu Langat, Selangor. | 1. Kolam Kecemasan Air Mentah dan Kolam Pra-Pengenapan, Pengubahsuaian Kepada Kebuk Penyambung Alur Keluar Air Mentah Sedia Ada, Dan Semua Bangunan Berkaitan;<br>2. Loji Rawatan Air berkapasiti 760 JLH, Fasiliti Rawatan Residu dan Sistem Paip Penghantar;<br>3. Kerja-kerja Mekanikal, Elektrikal, Telemetri dan SCADA;<br>5. Building Information Modelling (BIM);<br>6. Platform digital twin dan kerja-kerja integrasi; dan<br>7. Kerja-kerja Berkaitan. | T3<br>SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN<br>SPKK dan Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G7 Pengkhususan CE20, CE21 dan M19 | Tarikh:<br>9 Jun 2026<br>Masa:<br>10.00 pagi<br>Tempat:<br>Dewan Bankuet 3 Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur | Tarikh :<br>10 Jun 2026<br>Sehingga<br>30 Jun 2026<br>Masa :<br>Di antara 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari<br>Dan<br>2.00 petang hingga 5.00 petang | RM500.00<br>Dokumen Meja Pra-Kelayakan dipamerkan mulai<br>10 Jun 2026 | Tarikh:<br>8 Julai 2026<br>Pada atau sebelum 12.00 tengahari<br>KOTAK TENDER A Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur |

**Tender Pra-Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-**

**i) Keupayaan Kewangan**

**Kontraktor (Syarikat Tunggal)**
(a) Merupakan kontraktor kejuruteraan awam dengan pengalaman perniagaan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun;
(b) Mempunyai purata perolehan tahunan daripada kontrak-kontrak pembinaan sekurang-kurangnya RM100 juta atau nilai setara dalam tempoh lima (5) tahun lepas;
(c) Mempunyai purata perolehan tahunan bagi kerja-kerja elektrikal dan mekanikal, yang disumbangkan sama ada secara langsung, sebahagian atau sepenuhnya oleh sub-kontraktor yang dinamakan, sekurang-kurangnya RM25 juta atau nilai setara dalam tempoh lima (5) tahun lepas; dan
(d) Mempunyai *nett worth* melebihi RM50 juta atau Modal Pusingan (*working capital)* melebihi RM25 juta atau Modal Mudah Cair melebihi RM10 juta.

**Kontraktor (Syarikat Usahasama)**
(a) Ketua Syarikat Usahasama hendaklah mempunyai pegangan majoriti struktur ekuiti;
(b) Ketua Syarikat Usahasama hendaklah merupakan kontraktor kejuruteraan awam dengan pengalaman perniagaan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun;
(c) Rakan Syarikat Usahasama hendaklah merupakan kontraktor dengan pengalaman perniagaan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun;
(d) Hendaklah, secara bersama, mempunyai purata perolehan tahunan daripada kontrak-kontrak pembinaan sekurang-kurangnya RM150 juta atau nilai setara dalam tempoh lima (5) tahun lepas;
(e) Mempunyai purata perolehan tahunan bagi kerja-kerja elektrikal dan mekanikal, yang disumbangkan oleh Ketua Syarikat Usahasama, Rakan Syarikat Usahasama dan/atau sub-kontraktor yang dinamakan, sekurang-kurangnya RM25 juta atau nilai setara dalam tempoh lima (5) tahun lepas; dan
(f) Hendaklah, secara bersama, mempunyai *nett worth* melebihi RM50 juta atau Modal Pusingan (*working capital*) melebihi RM25 juta atau Modal Mudah Cair melebihi RM10 juta.

**ii) Keupayaan Teknikal**

**Kontraktor Syarikat Tunggal atau Syarikat Usahasama**
(a) Mempunyai pengalaman sebagai kontraktor utama dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek loji rawatan air berkapasiti 100 JLH atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh dua puluh (20) tahun lepas;
(b) Mempunyai pengalaman sebagai kontraktor utama dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek bekalan air bernilai sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh dua puluh (20) tahun lepas;
(c) Mempunyai pengalaman sebagai kontraktor utama dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek kejuruteraan awam berskala besar bernilai sekurang-kurangnya RM100 juta atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh dua puluh (20) tahun lepas;
(d) Mempunyai pengalaman, sama ada secara langsung atau melalui sub-kontraktor yang dinamakan, dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek yang melibatkan kerja-kerja loji pengepaman, elektrikal, instrumentasi dan pemasangan SCADA, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh dua puluh (20) tahun lepas; dan
(e) Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja serta bebas dari tindakan undang-undang.

**ii) Perunding Kontraktor**

**Kontraktor hendaklah melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not inhouse consultants*) seperti berikut :-**
(a) Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM);
(b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan; dan
(c) Mempunyai pengalaman merekabentuk dan menyelia pembinaan dan penyiapan dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek loji rawatan air berkapasiti 100 JLH atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh dua puluh (20) tahun lepas.

| NOMBOR TENDER PRA-KELAYAKAN | BUTIR-BUTIR PRA-KELAYAKAN | KETERANGAN AM KERJA | *JENIS SYARIKAT TEMPATAN | TARIKH/MASA TAKLIMAT | TEMPOH PEMBELIAN DOKUMEN TENDER PRA-KELAYAKAN | HARGA DOKUMEN TENDER PRA-KELAYAKAN | TARIKH DAN WAKTU TUTUP |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| PAAB/B007/ PRE-Q/PAKEJ 2/03/26 | PRA- KELAYAKAN KONTRAKTOR UNTUK CADANGAN PEMBINAAN LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2 FASA 2 DAN SISTEM AGIHAN<br>Pakej 2 - Merekabentuk, Membina dan Mentauliah Tangki Air Petaling Berkapasiti 80 Juta Liter, Tangki Air Bukit Serdang Berkapasiti 22 Juta Liter, Stesen Pam Penggalak dan Tiga (3) Unit Tangki Air Menara Sungai Besi Berkapasiti 4.6 Juta Liter Setiap Satu Termasuk Kerja-kerja Penyambungan ke Tangki Air Sedia Ada Serta Kerja-kerja Berkaitan | 1. Pembinaan Tangki Air Petaling (80 JL);<br>2. Pembinaan Tangki Air Bukit Serdang (22 JL);<br>3. Pembinaan Stesen Pam Penggalak Sungai Besi (Tiga (3) Unit Tangki Air Menara Sungai Besi Berkapasiti 4.6 JL, Rumah Pam dan TNB Substesen);<br>4. Kerja Pemasangan Paip Keluli Lembut Tambahan 450mm diameter Scour Facility pada 2400mm diameter paip keluli lembut sedia ada Langat 2 Fasa 1 berhampiran persimpangan Jalan Udang Kara-Jalan PUJ 9/11, Puncak Jalil;<br>5. Kerja Pemasangan Paip Keluli Lembut Tambahan 450mm diameter Scour Facility pada 2500mm diameter paip keluli lembut sedia ada Langat 2 Fasa 1 berhampiran Jalan 7/14d, Taman Desa Cheras;<br>6. Building Information Modelling (BIM); dan<br>7. Kerja-kerja berkaitan. | T3<br>SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN<br>SPKK dan Sijil Perakuan Pendaftaran CIDB Gred G7 Pengkhususan CE20, CE21 dan M15 | Tarikh:<br>9 Jun 2026<br>Masa:<br>11.30 pagi<br>Tempat:<br>Dewan Bankuet 3 Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur | Tarikh :<br>10 Jun 2026<br>Sehingga<br>30 Jun 2026<br>Masa :<br>Di antara 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari<br>Dan<br>2.00 petang hingga 5.00 petang | RM500.00<br>Dokumen Meja Pra-Kelayakan dipamerkan mulai<br>10 Jun 2026 | Tarikh:<br>9 Julai 2026<br>Pada atau sebelum 12.00 tengahari<br>KOTAK TENDER A Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur |

**Tender Pra-Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-**

**i) Keupayaan Kewangan**

**Kontraktor (Syarikat Tunggal)**
(a) Merupakan kontraktor kejuruteraan awam dengan pengalaman perniagaan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun;;
(b) Mempunyai purata perolehan tahunan daripada kontrak-kontrak pembinaan sekurang-kurangnya RM30 juta atau nilai setara dalam tempoh lima (5) tahun lepas; dan
(c) Mempunyai nett worth melebihi RM5 juta atau Modal Pusingan (*working capital)* melebihi RM3 juta atau Modal Mudah Cair melebihi RM1 juta.

**Kontraktor (Syarikat Usahasama)**
(a) Ketua Syarikat Usahasama hendaklah mempunyai pegangan majoriti struktur ekuiti;
(b) Ketua Syarikat Usahasama hendaklah merupakan kontraktor kejuruteraan awam dengan pengalaman perniagaan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun;
(c) Rakan Syarikat Usahasama hendaklah merupakan kontraktor dengan pengalaman perniagaan sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun;
(d) Hendaklah, secara bersama, mempunyai purata perolehan tahunan daripada kontrak-kontrak pembinaan sekurang-kurangnya RM45 juta atau nilai setara dalam tempoh lima (5) tahun lepas; dan
(e) Hendaklah, secara bersama, mempunyai *nett worth* melebihi RM5 juta atau Modal Pusingan *(working capital*) melebihi RM3 juta atau Modal Mudah Cair melebihi RM1 juta.

**ii) Keupayaan Teknikal**

**Kontraktor Syarikat Tunggal atau Syarikat Usahasama**
(a) Mempunyai pengalaman sebagai kontraktor utama dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek tangki air konkrit bertetulang dengan kapasiti 10 JL atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas;
(b) Mempunyai pengalaman sebagai kontraktor utama dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek tangki air bertingkat konkrit bertetulang dengan kapasiti 2 JL atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas;
(c) Mempunyai pengalaman sebagai kontraktor utama dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek pemasangan paip bersaiz 800mm DN atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas; dan
(d) Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja serta bebas dari tindakan undang-undang.

**ii) Perunding Kontraktor**

**Kontraktor hendaklah melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (independent and not inhouse consultants) seperti berikut :-**
(a) Berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM);
(b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
(c) Mempunyai pengalaman merekabentuk dan menyelia pembinaan dan penyiapan dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek tangki air konkrit bertetulang dengan kapasiti 10 JL atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas; dan
(d) Mempunyai pengalaman merekabentuk dan menyelia pembinaan dan penyiapan dalam sekurang-kurangnya SATU (1) projek pemasangan paip bersaiz 800mm DN atau lebih, yang telah siap dilaksanakan dalam tempoh sepuluh (10) tahun lepas

1. ***Jenis Syarikat Tempatan**

   T3 - Syarikat 70% milik tempatan; atau syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti bilangan pekerja adalah warganegara tempatan termasuk Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan. **(Sila lampirkan salinan Maklumat Korporat (*Corporate Information*) dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)).**

2. **Kehadiran Taklimat Tender Pra-Kelayakan adalah DIWAJIBKAN**. Hanya penama yang diberi kuasa di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja dibenarkan menghadiri sesi tersebut. Bagi syarikat-syarikat yang berhasrat untuk menyertai tender secara usahasama, **KETUA SYARIKAT USAHASAMA (LEAD PARTNER) ADALAH DIWAJIBKAN menghadiri taklimat tender tersebut.**

3. Bayaran Dokumen Tender Pra-Kelayakan boleh dibuat secara *'Electronic Fund Transfer'* (EFT) di atas nama Pengurusan Aset Air Berhad. Hanya Petender yang layak akan menerima e-mel untuk membuat pembayaran secara atas talian. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak akan diterima.

4. Dokumen Tender Pra-Kelayakan hanya akan dikeluarkan kepada wakil pemohon yang mengemukakan surat kuasa bersama dengan sijil pendaftaran **ASAL atau SALINAN YANG DISAHKAN**. Sesalinan sijil-sijil ini perlu dikemukakan untuk simpanan PAAB (tidak dikembalikan).

5. Dokumen Tender Pra-Kelayakan boleh didapati bermula pada tarikh yang dinyatakan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut:

   **URUS SETIA TENDER**
   **PENGURUSAN ASET AIR BERHAD (Reg. No. 200601012793 (732544-D))**
   **Tingkat 20, Menara FELDA, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur**
   **Tel : 03 26145555 / 5499 / 5498 / 5567 | Fax : 03 26145448 | Pegawai : Nur Safawati Md Salleh**

6. Dokumen Tender Pra-Kelayakan yang telah dilengkapi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan jelas di penjuru atas sebelah kiri "Nombor Tender Pra-Kelayakan" dan "Tajuk Tender Pra-Kelayakan" tanpa apa-apa pengenalan diluarnya. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Tender yang telah ditetapkan mengikut jadual di atas tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari di alamat seperti di atas.

7. Hanya petender yang disenarai pendek akan dijemput untuk menyertai tender pra-bida. Pihak PAAB tidak terikat untuk menyetuju terima sebarang tender pra-kelayakan atau mengemukakan alasan tender pra-kelayakan tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender pra-kelayakan ini.